



NOTIS MENGENAI PENIPUAN MELIBATKAN POWER ROOT

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin, sekali lagi, memaklumkan kepada orang ramai agar berhati-hati apabila menerima Pesanan Ringkas (SMS) atau panggilan telefon dari luar negeri mengenai penipuan yang melibatkan penyalahgunaan nama syarikat pihak Power Root.

Pesanan ringkas atau panggilan tersebut akan memaklumkan bahawa hadiah wang tunai telah dimenangi, dan orang-orang kenamaan akan disebutkan untuk memperolehi kepercayaan dan bagi proses pengeluaran hadiah tersebut. Penglibatan orang-orang kenamaan adalah tidak benar dan orang ramai dinasihati untuk berhati-hati apabila menerima pesanan ringkas atau panggilan yang palsu terutamanya yang melibatkan nama-nama syarikat termasuk syarikat minuman Power Root.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh berjumpa terus ke AMBD ataupun menghubungi pihak AMBD melalui AMBD App yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android atau di talian 2388388.